

Soalan No : 52

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 9.6.2015

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan bagi menempatkan semula Sekolah Kebangsaan Pykett Methodist, Lebuhraya Pykett, Pulau Pinang supaya sekolah yang telah diasaskan sejak tahun 1891 dapat terus dikekalkan dan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk memiliki tanah sekolah yang kini dimiliki swasta melalui Akta Pengambilan Tanah 1960.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SK Pykett Methodist, Lebuhraya Pykett, Pulau Pinang adalah sebuah Sekolah Bantuan Kerajaan yang berstatus sekolah mubaligh iaitu tanah dan bangunan adalah milik pihak gereja yang telah ditubuhkan oleh pihak persatuan gereja Methodist pada tahun 1891.

Pihak Gereja telah mengemukakan permohonan kepada KPM bagi memberhentikan pengoperasian SK Pykett Methodist kerana pihak gereja mendapati enrolmen sekolah tersebut semakin mengecil dan pihak gereja memerlukan tapak pembangunan persatuan mereka.

Setelah penelitian dibuat, KPM mendapati keperluan sekolah di sekitar kawasan tersebut masih mampu menampung keperluan penduduk di situ dan nilai harga tapak adalah terlalu tinggi untuk pengambilan tapak. Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat keputusan untuk membuat pemberhentian pengambilan Tahun 1 pada tahun 2015 dan mengekalkan murid-murid sedia ada sehingga mereka tamat tahun 6.

RJM73